



**SIARAN AKHBAR
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**MESYUARAT KETIGA PEGAWAI-PEGAWAI EKONOMI KANAN ASEAN
BAGI MESYUARAT MENTERI-MENTERI EKONOMI ASEAN YANG KE-LIMA
PULUH DUA (SEOM 3/52) DAN MESYUARAT BERKAITAN
2 – 4 OGOS 2021, MESYUARAT PERSIDANGAN VIDEO**

1. Mesyuarat Ketiga Pegawai-Pegawai Ekonomi Kanan ASEAN bagi Mesyuarat Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN yang ke-Lima Puluh Dua secara rasminya bermula hari ini, 2 Ogos 2021, melalui persidangan video. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Yang Mulia Dr Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin, Setiausaha Tetap (Ekonomi) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam.
2. Mesyuarat tersebut dihadiri oleh Pegawai-Pegawai Ekonomi Kanan ASEAN dari sepuluh negara-negara anggota ASEAN (AMS), Timbalan Setiausaha Agung bagi Komuniti Ekonomi ASEAN dan pegawai-pegawai kanan daripada Sekretariat ASEAN.
3. Mesyuarat yang akan berlangsung selama tiga (3) hari ini akan bersidang sehingga hari Rabu, 4 Ogos 2021. Ianya merupakan mesyuarat susulan kepada hasil-hasil Mesyuarat SEOM 2/52 dan merupakan persediaan bagi Mesyuarat Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN (AEM) ke-53 dan mesyuarat-mesyuarat yang berkenaan yang dijangka diadakan pada bulan September 2021.
4. Mesyuarat juga antarlain mengalu-alukan perkembangan baik *Priority Economic Deliverables* (PEDs) di bawah pimpinan Brunei Darussalam sebagai Pengerusi ASEAN bagi tahun 2021. Mesyuarat juga mengambil maklum mengenai perkembangan terkini ke atas pelaksanaan *ASEAN Comprehensive Recovery Framework* (ACRF) dan bertukar pendapat ke atas pelaksanaan cadangan-



cadangan di bawah *Mid-Term Review (MTR) of AEC Blueprint 2025* serta membincangkan laporan-laporan badan-badan sektoral di bawah bidang tugas Pegawai-Pegawai Ekonomi Kanan ASEAN.

5. Mesyuarat juga akan memuktamadkan senarai jenis-jenis barangan asasi yang telah diperluaskan di bawah '*Memorandum of Understanding on the Implementation of Non-Tariff Measures (NTMs) on Essential Goods under the Hanoi Plan of Action on Strengthening ASEAN Economic Cooperation and Supply Chain Connectivity in Response to the COVID-19 Pandemic*'. Senarai tersebut antarlain merangkumi produk-produk makanan dan pertanian yang akan dihadapkan bagi pengesahan Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN di Mesyuarat AEM ke-53.

6. Mesyuarat juga akan bertukar pandangan mengenai hala tuju hubungan ekonomi dengan rakan-rakan dialog termasuk Australia dan New Zealand, Kanada, Republik Rakyat Cina, Sidang Kemuncak Asia Timur (EAS), Kesatuan Eropah (EU), India, Jepun, Republik Korea, Rusia, Switzerland, United Kingdom dan Amerika Syarikat. Mesyuarat Pegawai-Pegawai Ekonomi Kanan ASEAN bersama rakan-rakan dialog akan diadakan melalui persidangan video pada 5, 11 dan 16 Ogos 2021.